

Bahasa Arab tembusi pengajian formal di sekolah, universiti

Penguasaan dianggap penting supaya mudah fahami al-Quran, tingkat kualiti ibadah

Bahasa Arab mempunyai kedudukan penting dan istimewa dalam Islam. Keunikannya ialah pemilihannya sebagai bahasa pengantara bagi membawa mesej Islam ke seluruh alam. Selain itu, semua amal ibadah umat Islam tidak terlepas daripada penggunaan bahasa Arab. Malah, penggunaan bahasa Arab menjadi syarat ibadah itu diterima khususnya seperti ibadah solat. Hal ini menjadikan bahasa Arab sinonim dengan Islam dan umat Islam perlu sedar ia adalah bahasa umat Islam di seluruh dunia.

Justeru, menjadi keperluan untuk umat Islam mempelajari bahasa Arab khususnya bagi tujuan ibadah. Bahasa Arab dipercayai datang ke Tanah Melayu bersama kedatangan Islam dan mula diajar serta dipelajari secara teratur melalui sistem pengajian pondok dalam abad ke-19 hinggalah sekarang.

Tembusi pendidikan formal

Kini, bahasa Arab tidak lagi dipelajari oleh pelajar sekolah aliran agama semata-mata, bahkan telah menembusi pelbagai peringkat pendidikan formal sama ada pada peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah mahupun kolej dan universiti.

Bahasa itu turut dipelajari golongan dewasa yang berkerjaya melalui program dan kelas hujung minggu seperti yang ditawarkan beberapa universiti awam seperti Kelas Umum Bahasa Arab (KUBA) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kursus Bahasa Arab oleh



Penguasaan bahasa Arab dapat membantu umat Islam **mempertingkatkan kualiti ibadah dengan memahami ayat al-Quran yang dibaca dalam solat.**

[GAMBAR HIASAN]

Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaysia (UMCCed), Kursus Kemahiran Bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kursus Bahasa Arab Jangka Pendek Universiti Putra Malaysia (UPM), Kelas Bahasa Arab Awam Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan lain-lain lagi.

Pihak swasta juga tidak ketinggalan menawarkan beberapa kursus hampir serupa, tetapi mungkin berbeza dari segi objektif pembelajaran, silibus dan pendekatan digunakan.

Ini menunjukkan kesedaran untuk mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa kelima terpenting dalam pertuturan antarabangsa telah tersebar dengan meluas dalam kalangan masyarakat.

Bahasa Arab disebut oleh George Weber adalah antara sepuluh bahasa paling berpengaruh di dunia seperti yang diterbitkan dalam majalah *Language Today* (Disember 1997) dalam artikel beliau di samping ia adalah bahasa ibunda lebih daripada 250 juta penduduk etnik Arab di Timur Tengah hingga ke Afrika Utara.

Namun, kaitan dan kepentingan mempelajari bahasa khususnya dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia untuk memahami kitab suci al-Quran al-Karim yang diturunkan dalam bahasa Arab dan bukan memahami melalui terjemahan

semata-mata.

Selain itu, ia membantu pelajar memahami dan mendalami bahasa yang digunakan dalam ibadah harian seperti bacaan solat, doa, wirid dan ibadah lain supaya dapat memahami bacaan berkenaan secara langsung daripada bahasa Arab.

Kelebihan mempelajari dan mengenali struktur nahu Arab secara teori dan praktikal berserta latihannya membolehkan pelajar memahami dan menghayati ayat suci al-Quran, bacaan dalam solat, doa, wirid, zikir dan sebagainya.

Tingkat kualiti ibadah

Keperluan memahami sedikit sebanyak walaupun peringkat asas bahasa Arab perlu supaya dapat mempertingkatkan kualiti ibadah yang dilakukan dan tidak sekadar menjadi 'burung kakak tua' yang tidak memahami apa yang dituturkan.

Jika kita semua bersusah payah mempelajari bahasa antarabangsa utama seperti bahasa Inggeris, Perancis, Korea, Jepun, Sepanyol dengan pelbagai tujuan, maka kita juga perlu memperuntukkan masa mempelajari bahasa Arab, bahasa perantaraan Allah SWT kepada sekalian umat manusia.

Pemikir Islam terkenal, al-Imam Hassan al-Banna pernah berpesan

dalam wasiat sepuluhnya, "Berusahalah sedaya upaya untuk bertutur dalam bahasa Arab yang betul kerana bahasa Arab yang betul itu adalah satu-satunya syiar Islam."

Bahasa dituturkan setiap hari

Jumlah umat Islam yang kini mencecah 1.6 bilion di seluruh dunia membuktikan bahasa ini 'dituturkan' pada setiap hari dalam setiap amalan ritual dan muamalah secara global serta menyeluruh oleh umat Islam seluruh dunia.

Kebijaksanaan guru yang mengajar bahasa ini kepada masyarakat awam amatlah diperlukan supaya pembelajaran bahasa Arab tidak dianggap membuang masa, memboreskan dan terlalu terikat kepada pembelajaran tatabahasa semata-mata.

Kaedah pengajaran bahasa yang lebih interaktif dan kontemporari menggunakan pelbagai kemudahan teknologi laman web serta gajet yang ada dapat meningkatkan minat masyarakat bagi mempelajari bahasa Arab.



Penulis

ialah Ketua Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



PROF DR MUHAMMAD SABRI SAHRIR